



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**20 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 426 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 211,678 kes. Sebanyak 10 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes Keningau manakala Kudat, Sipitang, Pitas, Kota Kinabalu, Kota Marudu, Beluran dan Nabawan masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 905 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 200,925 orang. Manakala 2,059 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 784 orang di hospital, 1,247 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 26 orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 100 orang merangkumi 96 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 34 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 162 (52.09%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah (satu) 1 daerah
- Zon Merah 26 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah menurun secara mendadak hari ini kepada 426, pengurangan 269 kes berbanding angka kelmarin. Ini adalah angka terendah yang dicatatkan sejak 16 Julai 2021.
- b. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan kes di bawah paras 50 kes, hanya 5 daerah yang mencatatkan peningkatan kes pada jumlah kecil atau sederhana.
- c. Antara daerah yang mencatatkan penurunan ketara ialah Kota Belud -78 kes, Kudat -44 kes, Beaufort -32 kes, Tenom -21 kes, Keningau -14 kes, Tuaran -14 kes dan Tawau -14 kes.
- d. Hanya 266 kes atau 62.43% merupakan kes yang berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu. Selebihnya adalah kes-kes yang didaftarkan lewat melebihi 2 hari ke atas setelah keputusan saringan diketahui.
- e. Pada hari ini, 96.48% adalah merupakan kes dalam Kategori 1 & 2, yang lazimnya hanya memerlukan rawatan dan penilaian di rumah atau di PKRC sahaja. Hanya 1 kes berada dalam Kategori 3, 4 kes dalam Kategori 4 dan 2 kes dalam Kategori 5. 8 kes lagi masih dalam penilaian pihak JKNS.
- f. Masyarakat digesa agar terus mematuhi SOP yang telah digariskan kerana faktor utama yang mempengaruhi perubahan angka setiap hari adalah sikap kita sendiri.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (230) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	3	0.70%
2	Bergejala	156	36.62%
3	Kontak	230	53.99%
4	Bersasar	3	0.70%
5	Lain-lain Saringan	34	7.98%
<b>JUMLAH</b>		<b>426</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (19 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 19/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 20/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Sipitang	15	20	+5
2	Putatan	7	10	+3
3	Telupid	2	4	+2
4	Sandakan	13	14	+1
5	Kalabakan	0	1	+1
6	Beluran	9	9	Mendatar
7	Kota Belud	123	45	-78
8	Kudat	54	10	-44
9	Beaufort	46	14	-32
10	Tenom	55	34	-21
11	Keningau	41	27	-14
12	Tuaran	36	22	-14
13	Tawau	19	5	-14
14	Kota Kinabalu	52	43	-9
15	Pitas	31	22	-9
16	Lahad Datu	19	11	-8
17	Papar	21	14	-7
18	Kinabatangan	14	7	-7
19	Kuala Penyu	5	0	-5
20	Kota Marudu	38	34	-4
21	Tongod	4	0	-4
22	Ranau	38	36	-2
23	Tambunan	18	16	-2
24	Nabawan	7	5	-2
25	Semporna	5	3	-2
26	Kunak	5	3	-2
27	Penampang	18	17	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>695</b>	<b>426</b>	<b>-269</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (6 Oktober – 19 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Belud	0	23	17	0	5	45	879
Kota Kinabalu	0	25	12	0	6	43	958
Ranau	0	17	14	0	5	36	592
Tenom	0	26	8	0	0	34	504
Kota Marudu	0	7	26	0	1	34	479
Keningau	0	20	6	0	1	27	548
Tuaran	0	17	5	0	0	22	513
Pitas	0	18	3	0	1	22	346
Sipitang	0	12	4	3	1	20	147
Penampang	0	6	11	0	0	17	391
Tambunan	0	13	3	0	0	16	189
Beaufort	0	8	6	0	0	14	295
Papar	0	6	7	0	1	14	344
Sandakan	0	6	4	0	4	14	322
Lahad Datu	0	5	4	0	2	11	416
Kudat	0	9	0	0	1	10	399
Putatan	0	1	8	0	1	10	261
Beluran	0	5	3	0	1	9	205
Kinabatangan	3	2	1	0	1	7	203
Tawau	0	0	4	0	1	5	274
Nabawan	0	1	4	0	0	5	108
Telupid	0	1	1	0	2	4	156
Kunak	0	1	2	0	0	3	91
Semporna	0	0	3	0	0	3	88
Kalabakan	0	1	0	0	0	1	35
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	53
Tongod	0	0	0	0	0	0	86
<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>	<b>230</b>	<b>156</b>	<b>3</b>	<b>34</b>	<b>426</b>	<b>8,882</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Sungai Bendera	3
<b>Jumlah</b>		<b>3</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,396 unit

- Hospital 1,920 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,006 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 32.19%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 20 OKTOBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	422
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>426</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	410
Bukan Malaysia	16
<b>Jumlah</b>	<b>426</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	91
Belum Menerima Vaksin	82
Menerima 1 Dos	17
Lengkap 2 Dos	236
<b>Jumlah</b>	<b>426</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	7
1 to 5	39
6 to 11	45
12 to 17	21
18 to 25	53
26 to 59	223
>60	38
<b>Jumlah</b>	<b>426</b>



## C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 20 Oktober 2021)
Tiada PKPD		

## D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **658,871** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 13,413 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 51 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak lapan (8) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Lapan (8) Orang : Individu gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 207 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,095 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 453 premis perniagaan dan 735 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
  
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 278 Premis Perniagaan melibatkan 163 anggota APM. Sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
  
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
  
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 11 premis, melibatkan lapan (8) buah BBP pada hari ini.
  
- 8 Sejumlah 60 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
  
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 129 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	98%
2	Kunak	98%
3	Beluran	98%
4	Beaufort	98%
5	Tuaran	98%
6	Papar	97.5%
7	Semporna	97.5%
8	Kota Belud	97.5%
9	Penampang	97.5%
10	Tenom	97.5%
11	Lahad Datu	97.5%
12	Ranau	97.5%
13	Tawau	97.5%
14	Sandakan	97.5%
15	Kota Kinabalu	97%
16	Keningau	97%
17	Kinabatangan	97%
18	Kudat	97%
19	Kota Marudu	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**